



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

**BORANG, PENYATA, CARA PERMOHONAN
DAN KAEDAH BAYARAN DI BAWAH AKTA
CUKAI PELANCONGAN 2017, AKTA CUKAI
JUALAN 2018 DAN AKTA CUKAI
PERKHIDMATAN 2018**

KETETAPAN UMUM BIL.6/2026

TARIKH KEMASKINI: 21 SEPTEMBER 2026

KETETAPAN UMUM

Ketetapan Umum ini dikeluarkan selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 31A Akta Cukai Pelancongan 2017(TTx), seksyen 42 Akta Cukai Jualan 2018(ACJ) dan seksyen 41 Akta Cukai Perkhidmatan 2018(ACP). Sehubungan dengan itu, Ketua Pengarah Kastam (KPK) diberikan kuasa untuk mengeluarkan Ketetapan Umum bagi menetapkan borang, penyata, cara permohonan dan kaedah bayaran berkaitan dengan TTx, ACJ dan ACP.

Ketetapan Umum ini boleh ditarik balik sebahagiannya atau keseluruhannya pada bila-bila masa melalui penerbitan baru atau suatu notis tarik balik. Maka dengan ini, Ketetapan Umum Bil.1/2025 yang dikeluarkan pada 18 Ogos 2025 ditarik balik dan digantikan dengan Ketetapan Umum Bil.6/2026 bertarikh 21 September 2026.

Jika terdapat apa-apa pindaan dalam perundangan di bawah TTx, ACJ dan ACP yang memberi kesan kepada kandungan Ketetapan ini, pindaan perundangan tersebut mengatasi maklumat dalam Ketetapan Umum ini.

Penerbitan

Tarikh diterbitkan: **21/09/2026**

No. Fail: KE.HF(152)431/13 JLD.2(8)

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2024 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Dokumen ini hanyalah sebagai panduan umum semata-mata. Ia tidak bertujuan untuk menyelesaikan isu dan permasalahan yang spesifik. JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain kerugian yang dialami atau ditanggung oleh mana-mana orang kerana menggunakan maklumat dari dokumen ini.

ISI KANDUNGAN

Pengenalan	2
Borang-Borang	2
Permohonan Pendaftaran	3
Penyata dan Borang Pengikraran	4
Penyata	4
Pengikraran	7
Pembayaran.....	10
Pembayaran ke atas Penyata SST-02, SST-02A, TTx-03, TTx-03A, DST-02 dan LVG-02	10
Pembayaran menggunakan TTx-ADM, SST-ADM, SST-ADM2 dan AMES-02...	12
Permohonan Pembayaran Balik dan Pulang Balik	13
Permohonan Pembayaran Balik	13
Permohonan Pulang Balik (<i>Drawback</i>)	14
Permohonan Ketetapan Kastam	15
Permohonan Untuk Semakan / Kajian Semula	15
Ketua Pengarah Kastam	16
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	16
Lampiran I.....	17
Lampiran II.....	18
Lampiran III.....	21
Lampiran IV	23

Pengenalan

1. Ketua Pengarah Kastam (KPK) diberikan kuasa untuk mengeluarkan Ketetapan Umum ini selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 31A Akta Cukai Pelancongan 2017 (TTx), seksyen 42 Akta Cukai Jualan 2018 (ACJ) dan seksyen 41 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (ACP).
2. Ketetapan Umum ini dikeluarkan berhubung dengan perundangan di bawah TTx, ACJ atau ACP serta perundangan subsidiarinya bagi memberikan kuasa kepada KPK untuk menentukan bentuk dan mengikut cara—
 - (a) permohonan pendaftaran;
 - (b) pengemukaan penyata;
 - (c) pembayaran cukai, surcuj, penalti, fi atau apa-apa wang lain;
 - (d) permohonan ketetapan kastam;
 - (e) permohonan bayaran balik;
 - (f) permohonan pulang balik; dan
 - (g) permohonan semakan / kajian semula;
3. Ketetapan Umum ini berkuatkuasa pada 21 September 2026.

Borang-borang

4. KPK dengan ini menentukan borang-borang yang digunakan di bawah TTx, ACJ dan ACP adalah seperti berikut—
 - (a) bagi TTx di **LAMPIRAN I**;
 - (b) bagi ACJ di **LAMPIRAN II**; dan
 - (c) bagi ACP di **LAMPIRAN III**;

5. Tatacara pengisian borang-borang boleh diperolehi seperti berikut—

- (a) bagi TTx, seperti di pautan <https://www.myttx.customs.gov.my/legislation-guides-forms/> untuk—
 - (i) Panduan Mengisi Borang TTx-01- *Appendix C*;
 - (ii) Panduan Mengisi Borang TTx-03 – *Appendix E*;
 - (iii) Panduan Mengisi Borang TTx-04 - *Appendix F*;
- (b) bagi ACJ dan ACP di pautan <https://mysst.customs.gov.my/SSTForms> untuk Panduan Mengisi Borang Manual Penyata SST;
- (c) bagi ACP (Perkhidmatan Digital) di pautan <https://mystods.customs.gov.my/> untuk *Guide on Digital Service by FSP_Appendix1* berkaitan dengan;
 - (i) *Application for Registration as FRP (Section 56C, Service Tax Act 2018)*;
 - (ii) *Furnishing DST-02 Return of SToDS (Section 56H, Service Tax Act 2018)*;
 - (iii) *Payment of SToDS (Section 56I, Service Tax Act 2018)*;
- (d) bagi ACJ (Barang Bernilai Rendah) di pautan <https://mylvg.customs.gov.my/Legislation> untuk *User Manual: Sistem Cukai Jualan Ke Atas Barang Bernilai Rendah (Low Value Goods - LVG)*.

PERMOHONAN PENDAFTARAN

- 6. Permohonan pendaftaran bagi TTx, ACJ dan ACP hendaklah dikemukakan kepada KPK secara elektronik sahaja.
- 7. Permohonan pendaftaran secara elektronik hendaklah dimohon melalui pautan seperti berikut—

-
- (a) bagi cukai pelancongan (MyTTx) di pautan www.myttx.customs.gov.my;
- (b) bagi cukai jualan dan cukai perkhidmatan (MySST) di pautan www.mysst.customs.gov.my;
- (c) bagi cukai perkhidmatan digital (MySToDS) di pautan www.mystods.customs.gov.my; atau
- (d) bagi cukai barang bernilai rendah (MyLVG) di pautan www.mylvg.customs.gov.my.

PENYATA DAN BORANG PENGIKRARAN

Penyata

8. Penyata hendaklah dikemukakan dengan menggunakan borang yang ditentukan seperti di bawah—

BIL	BORANG	PERUNDANGAN
1	SST-02	ACJ/ACP
2	TTx-03	TTx
3	TTx-03A	TTx (Pemberi Perkhidmatan Platform Digital (PPPD))
4	DST-02	ACP (Perkhidmatan Digital (SToDS))
5	LVG-02	ACJ (Barang Bernilai Rendah (LVG))
6.	SST-02A	ACP
7.	AMES-03	ACJ
8.	AMES-03A	ACJ
9.	AMES-04	ACJ
10.	AMES-04A	ACJ
11.	AMES-04B	ACJ

9. Orang berdaftar hendaklah mengemukakan suatu penyata di bawah TTx (TTx-03 atau TTx-03A), ACJ (SST-02 atau LVG-02) atau ACP (SST-02 atau DST-02) bagi setiap tempoh bercukai yang genap masa kepada KPK.
10. Mana-mana orang selain orang berdaftar di bawah ACP yang memperoleh **perkhidmatan bercukai yang diimport** hendaklah mengemukakan penyata SST-02A di bawah ACP bagi setiap tempoh bercukai yang genap masa kepada KPK.

-
11. Pengeksport di bawah Skim Pengeksport Utama Diluluskan seksyen 61A ACJ hendaklah menggunakan borang seperti di bawah—
- (a) AMES-03 – Penyata bulanan bagi pergerakan barang bercukai pedagang di bawah skim pengeksport utama diluluskan;
 - (b) AMES-03A - Penyata pengiraan pembayaran balik cukai bagi penjualan tempatan barang bercukai di bawah skim pengeksport utama diluluskan;
 - (c) AMES-04 – Penyata bulanan bagi pergerakan bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan di bawah skim pengeksport utama diluluskan;
 - (d) AMES-04A – Penyata bulanan bagi pengeksportan / penjualan tempatan barang siap tidak bercukai di bawah skim pengeksport utama diluluskan; atau
 - (e) AMES-04B – Penyata pembayaran balik cukai bagi penjualan tempatan barang siap tidak bercukai di bawah skim pengeksport utama diluluskan.
12. Penyata SST-02, SST-02A, TTx-03, TTx-03A, DST-02 dan LVG-02 hendaklah dikemukakan kepada KPK secara elektronik melalui portal MySST, MyTTx, MySToDS atau MyLVG, yang mana berkaitan.
13. Manual pengguna berkenaan panduan pengemukaan penyata secara elektronik boleh didapati di dalam panduan sistem di dalam portal seperti berikut di—
- (a) portal MyTTx - <https://www.myttx.customs.gov.my/user-manuals/> untuk—
 - i. *Manual User 5 – Operator Return;*
 - ii. *Manual User 6 – PPPD Return;*

-
- (b) portal MySST - <https://mysst.customs.gov.my/SystemGuides> untuk Manual Pengguna untuk serahan Penyata Cukai dan Pembayaran secara Atas Talian;
 - (c) portal MySToDS - <https://mystods.customs.gov.my/> dalam *Appendix I Guide on: Digital Service by Foreign Service Provider*; atau
 - (d) portal MyLVG - <https://mylvg.customs.gov.my/Legislation> dalam user Manual Sistem Cukai Jualan Ke atas Barang Bernilai Rendah (LVG).
14. Walau bagaimanapun, penyata SST-02, SST-02A, TTx-03, TTx-03A dan LVG-02 juga boleh dikemukakan secara manual dengan memuat turun dan mencetak penyata dari portal dan dihantar melalui pos, kurier atau *P-hailing* ke Pusat Pemprosesan Kastam seperti alamat di bawah mengikut waktu operasi seperti yang dinyatakan di dalam peraturan-peraturan TTx, ACJ dan ACP.
- Pusat Pemprosesan Kastam
- Aras 1, Blok A, Kompleks Kastam WPKL
- No.22, Jalan SS 6/3
- 47301 Petaling Jaya
- Selangor.
15. Suatu penyata hendaklah disifatkan telah dikemukakan kepada KPK—
- (a) dalam hal perkhidmatan elektronik, apabila penyata itu telah diterima oleh KPK melalui perkhidmatan elektronik;
 - (b) dalam hal penyerahan melalui pos, pada tarikh tanda pos;
 - (c) dalam hal penyerahan melalui perkhidmatan kurier atau *P-hailing*, pada tarikh nombor jejak dan kesan (*tracking*) penghantaran itu direkodkan dan boleh disemak oleh pihak JKDM melalui sistem yang disediakan oleh pihak perkhidmatan kurier atau *P-hailing*; atau

- (d) jika tarikh di para (c) tidak dapat ditentukan oleh pihak JKDM, maka tarikh penerimaan penyata adalah berdasarkan cop tarikh terima oleh Pusat Pemprosesan Kastam mengikut waktu operasi yang telah ditetapkan.

16. Penyata di bawah Skim Pengeksport Utama Diluluskan seksyen 61A ACJ hendaklah dikemukakan ke Cawangan/ Unit Penyata dan Pungutan, Bahagian CDN Zon/ Negeri mana-mana stesen mengawal.

Pengikraran

17. Pengikraran boleh dikemukakan dengan menggunakan borang yang ditentukan seperti di bawah—

BIL	BORANG	PERUNDANGAN
1.	TTx-ADM	TTx
2.	SST-ADM	ACJ
3.	SST-ADM 2	ACJ/ACP
4.	AMES-02	ACJ

Pengikraran menggunakan TTx-ADM

18. Borang TTx-ADM seperti di **LAMPIRAN I** adalah borang yang digunakan untuk mengikrar dan membuat pembayaran berkaitan cukai pelancongan seperti berikut:

- (a) bertanggung untuk berdaftar dan telah mengenakan cukai/ bertanggung untuk berdaftar dan tidak mengenakan cukai;
- (b) telah tersilap mengenakan dan mengutip cukai yang tertakluk kepada cukai pelancongan; atau
- (c) telah mengenakan dan mengutip cukai tetapi tidak bertanggung untuk berdaftar.

19. Tanggungjawab pihak syarikat atau individu yang berkaitan hendaklah:

-
- (a) memastikan borang TTx-ADM lengkap diisi dan ditandatangani dalam dua (2) salinan; dan
 - (b) menghantar borang tersebut ke Cawangan/ Unit Penyata dan Pungutan, Bahagian CDN Zon/ Negeri mana-mana stesen mengawal untuk didaftarkan.

Pengikraran menggunakan SST-ADM

20. Borang SST-ADM seperti di **LAMPIRAN II** adalah borang yang digunakan untuk mengikrar dan membuat pembayaran cukai yang melibatkan perkara berikut—

- (a) pelanggaran syarat pengecualian di bawah ACJ; dan
- (b) lain-lain bayaran di bawah ACJ seperti pelupusan melalui penjualan bahan mentah, komponen, bahan pembungkusan rosak dan sisa/ hampas (skrap).

21. Tanggungjawab pengilang berdaftar yang berkaitan hendaklah—

- (a) memastikan borang SST-ADM lengkap diisi dan ditandatangani dalam dua (2) salinan; dan
- (b) menghantar borang tersebut ke Cawangan/ Unit Penyata dan Pungutan, Bahagian CDN Zon/ Negeri mana-mana stesen mengawal untuk didaftarkan.

Pengikraran menggunakan SST-ADM 2

22. Borang SST-ADM 2 seperti di **LAMPIRAN II** adalah borang yang digunakan untuk membuat pengikraran dan pembayaran secara sukarela bagi apa-apa amaun sebagai Cukai Jualan atau Cukai Perkhidmatan secara sukarela yang melibatkan perkara berikut—

- (a) mana-mana orang kena cukai yang bertanggung untuk berdaftar, telah mengenakan dan mengutip cukai atau bertanggung untuk berdaftar dan tidak mengenakan cukai;

-
- (b) telah tersilap mengenakan dan mengutip cukai bagi barang yang tidak bercukai jualan atau perkhidmatan yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan; atau
 - (c) mana-mana orang yang telah mengenakan dan mengutip cukai tetapi tidak bertanggung untuk berdaftar.

23. Tanggungjawab pihak syarikat atau individu yang berkaitan hendaklah—

- (a) memastikan borang SST-ADM 2 lengkap diisi dan ditandatangani dalam dua (2) salinan; dan
- (b) menghantar borang tersebut ke Cawangan/ Unit Penyata dan Pungutan, Bahagian CDN Zon/ Negeri mana-mana stesen mengawal untuk didaftarkan.

Pengikraran menggunakan AMES-02

24. Pengeksport di bawah Skim Pengeksport Utama Diluluskan seksyen 61A ACJ, borang AMES-02 seperti di **LAMPIRAN II** digunakan untuk mengikrar dan membuat pembayaran cukai yang melibatkan perkara seperti di bawah—

- (a) bayaran cukai jualan ke atas barang bercukai yang dilupuskan selain daripada cara pemusnahan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, dijual dalam negara atau tidak diakaunkan;
- (b) bayaran cukai jualan ke atas bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan yang dilupuskan selain daripada cara pemusnahan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, digunakan selain daripada tujuan pengilangan barang siap tidak bercukai, dijual dalam negara atau tidak diakaunkan;
- (c) bayaran cukai jualan ke atas penjualan skrap dan sisa pengilangan barang siap tidak bercukai; atau
- (d) bayaran cukai jualan disebabkan kelulusan AMES dibatalkan di bawah Peraturan 26F, Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018.

25. Tanggungjawab pihak syarikat atau individu yang berkaitan hendaklah—

- (a) memastikan borang AMES-02 lengkap diisi dan ditandatangani dalam dua (2) salinan; dan
- (b) menghantar borang tersebut ke Cawangan/ Unit Penyata dan Pungutan, Bahagian CDN Zon/ Negeri mana-mana stesen mengawal untuk didaftarkan.

PEMBAYARAN

Pembayaran ke atas Penyata SST-02, SST-02A, TTx-03, TTx-03A, DST-02 dan LVG-02

- 26. Pembayaran ke atas penyata SST-02, SST-02A, TTx-03, TTx-03A, DST-02 dan LVG-02 kepada KPK hendaklah dibuat secara elektronik melalui portal MySST, MyTTx, MySToDS atau MyLVG, yang mana berkaitan.
- 27. Pembayaran secara elektronik hendaklah dibuat melalui portal MySST, MyTTx, MySToDS atau MyLVG, yang mana berkaitan.
- 28. Manual pengguna berkenaan panduan pembayaran secara elektronik boleh didapati di dalam panduan sistem di dalam portal seperti berikut di—
 - (a) portal MyTTx - <https://www.myttx.customs.gov.my/user-manuals/> untuk—
 - (i) *Manual User 7 – Operator Payment (FPX);*
 - (ii) *Manual User 8 – PPPD Payment (FPX); atau*
 - (iii) *Manual User 9 – PPPD Payment (TT);*
 - (b) portal MySST - <https://mysst.customs.gov.my/SystemGuides> untuk--
 - (i) Pengikraran Penyata dan Pembayaran secara Online untuk Pendaftar Cukai Jualan (Pautan Video);

-
- (ii) Pengikraran Penyata dan Pembayaran secara Online untuk Pendaftar Cukai Perkhidmatan (Pautan Video); atau
 - (iii) Manual Pengguna untuk serahan Penyata Cukai Tambahan dan Pembayaran secara Atas Talian (Pautan Video).
 - (c) portal MySToDS - <https://mystods.customs.gov.my/> dalam *Appendix I Guide on: Digital Service by Foreign Service Provider*;
 - (d) portal MyLVG - <https://mylvgs.customs.gov.my/Legislation> dalam user Manual Sistem Cukai Jualan Ke atas Barang Bernilai Rendah (LVG).
29. Pembayaran ke atas penyata SST-02, SST-02A, TTx-03, TTx-03A dan LVG-02 juga boleh dikemukakan secara manual menggunakan cek atau deraf bank dan dihantar melalui pos, kurier atau *P-hailing* ke Pusat Pemprosesan Kastam seperti alamat di bawah mengikut waktu operasi seperti yang dinyatakan di dalam peraturan-peraturan TTx, ACJ dan ACP.
- Pusat Pemprosesan Kastam
- Aras 1, Blok A, Kompleks Kastam WPKL
- No.22, Jalan SS 6/3
- 47301 Petaling Jaya
- Selangor.
30. Pembayaran bagi penyata SST-02, SST-02A, TTx-03 dan TTx-03A menggunakan cek atau deraf bank, perlu dikemukakan mengikut tempoh bercukai dan hanya SATU (1) cek atau deraf bank bagi SATU (1) penyata atau *Bill of Demand (BOD)*.
31. Cek tarikh hadapan adalah tidak dibenarkan.
32. Suatu pembayaran hendaklah disifatkan telah diterima oleh KPK jika—
- (a) berhubung apa-apa cek atau deraf bank yang dihantar melalui pos hendaklah disifatkan telah diterima pada tarikh tanda pos;

-
- (b) berhubung apa-apa cek atau deraf bank yang dihantar melalui perkhidmatan kurier atau *P-hailing*, pada tarikh nombor jejak dan kesan (*tracking*) penghantaran itu direkodkan dan boleh disemak oleh pihak JKDM melalui sistem yang disediakan oleh pihak perkhidmatan kurier atau *P-hailing*; atau
- (c) jika tarikh di perenggan (b) tidak dapat ditentukan oleh pihak JKDM, maka tarikh penerimaan pembayaran adalah berdasarkan cop tarikh diterima oleh Pusat Pemprosesan Kastam mengikut waktu operasi yang telah ditetapkan.
33. Apa-apa pembayaran hendaklah disifatkan telah dibayar apabila pembayaran diterima oleh Ketua Pengarah dengan syarat—
- (a) jika pembayaran dibuat melalui perbankan elektronik, amaun itu hendaklah disifatkan tidak diterima sehingga amaun itu dimasukkan ke dalam kredit Ketua Pengarah; atau
- (b) jika pembayaran dibuat dalam apa-apa cara yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah, amaun tersebut hendaklah disifatkan tidak diterima walau apa pun resit diberikan sehingga amaun telah dibayar sewajarnya kepada Ketua Pengarah.

Pembayaran menggunakan TTx-ADM, SST-ADM, SST-ADM2 dan AMES-02

34. Borang TTx-ADM, SST-ADM, SST-ADM 2 dan AMES-02 yang telah didaftarkan di Cawangan/ Unit Penyata dan Pungutan, Bahagian CDN Zon/ Negeri mana-mana stesen mengawal JKDM yang telah ditetapkan, hendaklah dikemukakan secara sendiri untuk tujuan pembayaran.
35. Bayaran boleh dibuat menggunakan—
- (a) cek atau deraf bank atas nama **Ketua Pengarah Kastam**;
- (b) tunai; atau
- (c) kad debit (bagi PTJ yang mempunyai mesin terminal kad),

kod hasil bagi setiap pembayaran akan diberikan oleh pegawai Bahagian CDN Zon/Negeri yang berkaitan.

36. Tanggungjawab pihak pembayar hendaklah—

- (a) menghantar borang yang telah didaftarkan ke kaunter Juruwang di Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dibenarkan untuk pembayaran seperti di **LAMPIRAN IV**; dan
- (b) memastikan resit bayaran rasmi diterima selepas bayaran dibuat kepada juruwang.

37. Walau bagaimanapun apa-apa pembayaran yang dibuat tidak akan menghalang Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk mengambil apa-apa tindakan undang-undang sekiranya terdapat pengelakan cukai atau memberi maklumat yang tidak betul.

PERMOHONAN PEMBAYARAN BALIK DAN PULANG BALIK

Permohonan Pembayaran Balik

38. Permohonan pembayaran balik cukai di bawah TTx, ACJ dan ACP adalah berkaitan terlebih bayar, dibayar secara silap, mendapat pengecualian ke atas cukai pelancongan, cukai jualan atau cukai perkhidmatan yang telah dibayar, atau diberikan remisi cukai oleh Menteri Kewangan.

39. Borang permohonan pembayaran balik cukai adalah seperti di bawah—

- (a) TTx hendaklah menggunakan Borang TTx-04 dan TTx-04A secara atas talian;
- (b) ACJ dan ACP menggunakan borang JKDM No.2; dan
- (c) ACJ bagi barang bernilai rendah menggunakan borang LVG-03 secara atas talian.

40. Permohonan tuntutan pembayaran balik tersebut tidak boleh digabungkan dan hanya satu tuntutan sahaja dibenarkan untuk setiap borang bagi setiap permohonan.
41. Tatacara permohonan pembayaran balik boleh didapati di dalam panduan sistem di dalam portal seperti berikut—
- (a) Permohonan pembayaran balik di bawah TTx adalah secara atas talian dan boleh dirujuk di pautan <https://www.myttx.customs.gov.my/legislation-guides-forms/> - *Appendix D- Guide on Return, Payment and Tourism Tax Refund*;
 - (b) Permohonan pembayaran balik cukai di bawah ACJ dan ACP boleh dirujuk di pautan <https://mysst.customs.gov.my/SpecificGuides> - *Pembayaran Balik (Refund), Pulang Balik (Drawback) dan Rayuan Cukai Jualan*; atau
 - (c) Permohonan pembayaran balik cukai di bawah ACJ bagi barang bernilai rendah adalah secara atas talian dan boleh dirujuk di pautan <https://mylvg.customs.gov.my/Legislation-> *Guidelines for The Implementation of Sales Tax on Low Value Goods (LVG)*.
42. Permohonan tuntutan pembayaran balik cukai di bawah ACJ dan ACP hendaklah dikemukakan ke Cawangan Perakaunan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Teknik di zon/ negeri yang mengawal.

Permohonan Pulang Balik (*Drawback*)

43. Permohonan pulang balik di bawah subseksyen 40(1) ACJ 2018 hendaklah dibuat dalam borang JKDM No. 2 dan tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Peraturan 17 Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018.
44. Tatacara permohonan pulang balik boleh dirujuk di pautan <https://mysst.customs.gov.my/SpecificGuides> - *Panduan Pembayaran Balik (Refund), Pulang Balik (Drawback) dan Rayuan Cukai Jualan*

-
45. Permohonan tuntutan pulang balik cukai jualan hendaklah dikemukakan ke Cawangan Perakaunan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Teknik di zon/ negeri yang mengawal.

PERMOHONAN KETETAPAN KASTAM

46. Permohonan ketetapan kastam dibawah ACJ dan ACP hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kastam secara manual menggunakan Borang Jadual Pertama.
47. Permohonan tersebut hendaklah dihantar ke Bahagian Perkhidmatan Teknik negeri atau terus ke Sekretariat Unit Khas Ketetapan Kastam (SUKKK) Bahagian Perkhidmatan Teknik Ibu Pejabat.
48. Permohonan hendaklah disertakan dengan fi sebanyak RM200.00 bagi setiap permohonan. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk bank deraf atas nama Ketua Pengarah Kastam atau kad debit (bagi PTJ yang mempunyai mesin terminal kad).
49. Permohonan pembaharuan ketetapan kastam hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kastam secara manual menggunakan Borang Jadual Ketiga.

PERMOHONAN UNTUK SEMAKAN / KAJIAN SEMULA

50. Permohonan untuk semakan / kajian semula (*review*) boleh dibuat oleh mana-mana orang yang terkhilaf dengan keputusan Ketua Pengarah Kastam di bawah ACJ dan ACP. Permohonan tersebut hendaklah dibuat dalam masa **TIGA PULUH (30) HARI** dari tarikh pemberitahuan sesuatu keputusan KPK, tertakluk kepada keputusan tersebut TIDAK dirayu ke Tribunal Rayuan Kastam atau ke Mahkamah.

-
51. Permohonan untuk semakan / kajian semula ke atas keputusan Ketua Pengarah Kastam di bawah ACJ dan ACP menggunakan borang JKDM No. 4 di pautan <https://ereview.customs.gov.my/>.

KETUA PENGARAH KASTAM

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

LAMPIRAN I

BORANG-BORANG DI BAWAH AKTA DAN SUBSIDIARI CUKAI PELANCONGAN

BIL.	BORANG	FUNGSI BORANG
1.	 TTx-01.pdf	Permohonan pendaftaran bagi cukai pelancongan
2.	 TTx-02.pdf	Sijil pendaftaran sebagai pengendali premis perniagaan
3.	 TTx-03.pdf	Penyata cukai pelancongan
4.	 TTx-04.pdf	Pembayaran balik cukai pelancongan
5.	 TTx-01A.pdf	Permohonan pendaftaran Pemberi Perkhidmatan Platform Digital
6.	 TTx-03A.pdf	Penyata Pemberi Perkhidmatan Platform Digital
7.	 TTx-04A.pdf	Pembayaran balik cukai pelancongan (PPPD)
8.	 BORANG TTx-ADM.pdf	Pengisytiharan sukarela di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 (TTx-ADM)

LAMPIRAN II

BORANG-BORANG DI BAWAH AKTA DAN SUBSIDIARI CUKAI JUALAN

BIL.	BORANG	FUNGSI BORANG
1.	 SST-01.pdf	Permohonan pendaftaran bagi cukai jualan
2.	 SST-02.pdf	Pengemukaan penyata cukai jualan
3.	 SST-03.pdf	Permohonan untuk kajian semula
4.	 JKDM NO. 2 PR12024.pdf	Tuntutan pembayaran balik di bawah seksyen 35(6), seksyen 36, perenggan 39(1)(a), seksyen 40 dan subseksyen 41(3) Akta Cukai Jualan 2018
5.	 Permohonan Ketetapan Kastam.pdf	Permohonan ketetapan kastam di bawah seksyen 43 Akta Cukai Jualan 2018
6.	 Ketetapan Kastam.pdf	Ketetapan kastam yang dikeluarkan kepada pemohon di bawah seksyen 44 Akta Cukai Jualan 2018
7.	 Pembaharuan Ketetapan Kastam.pdf	Permohonan pembaharuan ketetapan kastam di bawah subperaturan 7(1) Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Ketetapan Kastam) 2018
8.	 Borang SST-ADM.pdf	Pembayaran cukai atau apa-apa amaun sebagai cukai atau apa-apa wang yang dikehendaki dibayar di bawah Akta Cukai Jualan 2018 / Akta Cukai Perkhidmatan 2018

BIL.	BORANG	FUNGSI BORANG
9.	 BORANG SST-ADM 2.pdf	Pengikraran sukarela di bawah Akta Cukai Jualan 2018/ Akta Cukai Perkhidmatan 2018
10.	 Borang LVG-01 (Pindaan) - 08122023.	Permohonan untuk didaftarkan sebagai penjual berdaftar bagi barang bernilai rendah
11.	 Borang LVG-02 (Pindaan) - 08122023.	Pengemukaan penyata bagi barang bernilai rendah
12.	 Borang LVG-03 (Pindaan) - 08122023.	Pembayaran balik cukai jualan bagi barang bernilai rendah
13.	 AMES - 02.pdf	Pembayaran cukai yang dikehendaki dibayar Di bawah seksyen 61A Akta Cukai Jualan 2018
14.	 AMES-03.pdf	Penyata bulanan bagi pergerakan barang bercukai pedagang di bawah Skim Pengeksport Utama diluluskan
15.	 AMES-03A.pdf	Penyata pengiraan pembayaran balik cukai jualan bagi penjualan tempatan barang bercukai di bawah Skim Pengeksport Utama diluluskan
16.	 AMES-04.pdf	Penyata bulanan bagi pergerakan bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan di bawah Skim Pengeksport Utama diluluskan
17.	 AMES-04B.pdf	Penyata bulanan bagi pengeksportan / penjualan tempatan barang siap tidak bercukai di bawah Skim Pengeksport Utama diluluskan
18.	 Borang JKDM No. 4.pdf	Permohonan untuk semakan semula

BIL.	BORANG	FUNGSI BORANG
19.	 FORM CANCEL EXEMPTION B C.pdf	Borang permohonan pembatalan pengecualian Di bawah Jadual B dan C Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018
20.	 FORM DELETE ITEM B C.pdf	Permohonan pembatalan (<i>delete</i>) item / barang bagi sijil pengecualian di bawah Jadual B dan C Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018
21.	 Borang DST-ADM01.pdf	Permohonan Pembayaran Balik Oleh Orang Berdaftar Asing

LAMPIRAN III

BORANG-BORANG DI BAWAH AKTA DAN SUBSIDIARI CUKAI PERKHIDMATAN

BIL.	BORANG	FUNGSI BORANG
1.	 SST-01.pdf	Permohonan pendaftaran bagi cukai perkhidmatan
2.	 SST-02.pdf	Pengemukaan penyata cukai perkhidmatan
3.	 SST-02A.pdf	Pengisytiharan cukai perkhidmatan oleh orang selain orang berdaftar
3.	 SST-03.pdf	Permohonan untuk kajian semula
4.	 JKDM No.2.pdf	Tuntutan pembayaran balik di bawah subseksyen 34(6), seksyen 35, perenggan 38(1)(a) dan subseksyen 40(3) Akta Cukai Perkhidmatan 2018
8.	 Permohonan Ketetapan Kastam.pdf	Permohonan ketetapan kastam di bawah seksyen 42 Akta Cukai Perkhidmatan 2018
9.	 Ketetapan Kastam.pdf	Ketetapan kastam yang dikeluarkan kepada pemohon di bawah seksyen 43 Akta Cukai Perkhidmatan 2018
10.	 Pembaharuan Ketetapan Kastam.pdf	Permohonan pembaharuan ketetapan kastam di bawah subperaturan 7(1) Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Ketetapan Kastam) 2018

BIL.	BORANG	FUNGSI BORANG
11.	 Borang DST-01 (Pindaan) - 08122023	Permohonan pendaftaran bagi perkhidmatan digital
12.	 Borang DST-02 (Pindaan) - 08122023	Penyata perkhidmatan digital
13.	 Borang SST-ADM.pdf	Pembayaran cukai atau apa-apa amaun sebagai cukai atau apa-apa wang yang dikehendaki dibayar di bawah Akta Cukai Jualan 2018 /Akta Cukai Perkhidmatan 2018
14.	 BORANG SST-ADM 2.pdf	Pengikraran sukarela di bawah Akta Cukai Jualan 2018/ Akta Cukai Perkhidmatan 2018
15.	 SST-ADM 2A.pdf	Voluntary Disclosure under Service Tax Act 2018 (For Foreign Service Provider / Foreign Registered Person)

LAMPIRAN IV

NEGERI	NAMA PTJ PEMUNGUT	ALAMAT PTJ PEMUNGUT
PERLIS	JKDM KANGAR 2	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BAHAGIAN PERKHIDMATAN TEKNIK KOMPLEKS KASTAM NEGERI JALAN KAMPONG PONDOK 01000 KANGAR, PERLIS
KEDAH	JKDM KOTA SETAR 2	PENGARAH KASTAM NEGERI KEDAH JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA ARAS 1, KOMPLEKS KASTAM NEGERI PERSIARAN SULTAN ABDUL HAMID 05050 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN
	JKDM CPH SUNGAI PETANI 2	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA CAWANGAN PERKASTAMAN LOT 499 JALAN LENCONGAN TIMUR BANDAR AMAN JAYA 08000 SUNGAI PETANI KEDAH DARUL AMAN
	JKDM KULIM	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA, KOMPLEKS KASTAM, BATU 3, JALAN LUNAS, 09000 KULIM, KEDAH DARUL AMAN
PERAK	JKDM TAIPING	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA PEJABAT KASTAM TAIPING PETI SURAT 170 34008 TAIPING PERAK DARUL RIDZUAN
	JKDM IPOH 2	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA WISMA KASTAM NO. 1, JALAN KINTA OFF JALAN TUN ABDUL RAZAK 30100 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
	JKDM LUMUT	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA CAWANGAN CUKAI DALAM NEGERI KOMPLEKS KASTAM LUMUT JALAN HJ MOHAMAD ALI 32000 SETIAWAN, PERAK DARUL RIDZUAN

NEGERI	NAMA PTJ PEMUNGUT	ALAMAT PTJ PEMUNGUT
	JKDM TELUK INTAN	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA JKR NO.68, JALAN MAHARAJALELA 36000 TELUK INTAN, PERAK DARUL RIDZUAN
PULAU PINANG	JKDM CDN SEBERANG JAYA	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI, CAW.PULANGBALIK & SEMAKAN SEMULA ARAS 1, KOMPLEKS KASTAM SEBERANG JAYA LOT 5492, JLN.PERPUSTAKAAN, LEBUH TENGGERI 2 13700 SEBERANG JAYA, PULAU PINANG.
SELANGOR	JKDM CDN PEL BARAT PULAU INDAH	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA ARAS 1, WISMA KASTAM SELANGOR JALAN PERIGI NENAS 7/1 KS II TAMAN PERINDUSTRIAN PULAU INDAH 42907 PELABUHAN KLANG SELANGOR DARUL EHSAN
	JKDM CAW LTSAAS SUBANG	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA CAWANGAN LTSAAS SUBANG BANGUNAN OPA SAUJANA RESORT, SECTION U2 40150 SHAH ALAM SELANGOR DARUL EHSAN
KLIA	JKDM CDN KLIA SEPANG	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA CAWANGAN PERINDUSTRIAN TINGKAT 2, BANGUNAN PENTADBIRAN (AMC) LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 64000 SEPANG KLIA SELANGOR DARUL EHSAN
WPKL	JKDM CDN WPKL	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BAHAGIAN PERKASTAMAN CAWANGAN EKSAIS ARAS 2 BLOK A, 22 JALAN SS 6/3, KELANA JAYA 47301 PETALING JAYA SELANGOR DARUL EHSAN
NEGERI SEMBILAN	JKDM SEREMBAN 2	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA WISMA KASTAM

NEGERI	NAMA PTJ PEMUNGUT	ALAMAT PTJ PEMUNGUT
		JALAN PAROI – SENAWANG KARUNG BERKUNCI NO. 16 70450 SEREMBAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
	JKDM PORT DICKSON	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA STESEN PORT DICKSON PEJABAT KASTAM DAERAH JALAN RAJA AMAN SHAH 71000 PORT DICKSON NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
MELAKA	JKDM MELAKA 2	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI WISMA KASTAM AYER KEROH LEBUH AYER KEROH 75450 AYER KEROH MELAKA
JOHOR	JKDM MUAR 2	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA KOMPLEKS KASTAM BAKRI KM 7, JALAN BAKRI 84207 MUAR JOHOR DARUL TAKZIM
	JKDM BATU PAHAT 2	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA JALAN JERAGAN 83000 BATU PAHAT JOHOR DARUL TAKZIM
	JKDM KLUANG 2	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA JALAN DUA PEJABAT KERAJAAN 86000 KLUANG JOHOR DARUL TAKZIM
	JKDM MERSING	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA KOMPLEKS KASTAM MERSING KM 1 JALAN JEMALUANG 86800 MERSING JOHOR DARUL TAKZIM
	JKDM CDN JOHOR BAHRU	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BAHAGIAN CUKAI DALAMAN TINGKAT 1 MENARA KASTAM KARUNG BERKUNCI 780 80990 JOHOR BAHRU JOHOR DARUL TAKZIM
	JKDM SIP SEGAMAT	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

NEGERI	NAMA PTJ PEMUNGUT	ALAMAT PTJ PEMUNGUT
		NO. 43, JALAN PUTRA 1/2, BANDAR PUTRA 85000 SEGAMAT JOHOR DARUL TAKZIM
	JKDM PONTIAN	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BANDAR PERMAS 82300 KUKUP, PONTIAN JOHOR DARUL TAKZIM
PAHANG	JKDM BENTONG	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BANGUNAN KASTAM LORONG MOHD. NOR ZABIDIN 1 KAMPUNG BARU 28700 BENTONG PAHANG DARUL MAKMUR
	JKDM CDN TEMERLOH	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BAHAGIAN CUKAI DALAMAN 1 & 3, JALAN DAGANG UTAMA TAMAN PERINDUSTRIAN TEMERLOH 28400 MENTAKAB PAHANG DARUL MAKMUR
	JKDM KUANTAN 2	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BANDAR INDERA MAHKOTA 14 JALAN SUNGAI LEMBING 25200 KUANTAN PAHANG DARUL MAKMUR
TERENGGANU	JKDM KUALA TERENGGANU 2	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA WISMA KASTAM TERENGGANU JALAN BALIK BUKIT 20300 KUALA TERENGGANU TERENGGANU DARUL IMAN
	JKDM KEMAMAN	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA JALAN KAMPUNG TENGAH KUALA KEMAMAN 24000 KEMAMAN TERENGGANU DARUL IMAN
KELANTAN	JKDM KOTA BHARU 2	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA, CAW. PERAKAUNAN HASIL JALAN SULTAN 15000 KOTA BHARU KELANTAN DARUL NAIM
	JKDM PENGKALAN KUBOR	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA PENGKALAN KUBOR

NEGERI	NAMA PTJ PEMUNGUT	ALAMAT PTJ PEMUNGUT
		16080 PENGKALAN KUBOR KELANTAN DARUL NAIM
	JKDM RANTAU PANJANG 2	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA UNIT IMPORT 17200 RANTAU PANJANG KELANTAN DARUL NAIM
	JKDM BUKIT BUNGA	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA KOMPLEKS IMIGRESEN BUKIT BUNGA 17500 TANAH MERAH KELANTAN DARUL NAIM
SARAWAK	JKDM CAW. PENGKUDANGAN & PERINDUSTRIAN	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BAHAGIAN PERKASTAMAN ARAS 5, BANGUNAN LEMBAGA, PELABUHAN KUCHING JALAN PELABUHAN 93450 KUCHING SARAWAK
	JKDM CDN SIBU	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA CAW. CUKAI DALAMAN, BAHAGIAN SIBU JALAN DESHON PETI SURAT 717 96007 SIBU SARAWAK
	JKDMMCDN MIRI	KASTAM DIRAJA MALAYSIA LEVEL GF BLOK B, TINGKAT BAWAH JALAN PERSEKUTUAN 98000 MIRI SARAWAK
	JKDM LIMBANG	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA, CAWANGAN CUKAI DALAM NEGERI (SST), JALAN MUHIBBAH 98700 LIMBANG SARAWAK
	JKDM SARIKEI	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA JALAN MUHIBBAH OFF JALAN BAKAU 96100 SARIKEI SARAWAK
	JKDM CDN BINTULU	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI JALAN TUN RAZAK PETI SURAT 922 97000 BINTULU SARAWAK

NEGERI	NAMA PTJ PEMUNGUT	ALAMAT PTJ PEMUNGUT
SABAH	JKDM PELABUHAN KOTA KINABALU	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA CAW. IMPORT EKSPORT PELABUHAN KOTA KINABALU JALAN TANJUNG LIPAT, WISMA PELABUHAN, 88596 KOTA KINABALU SABAH
	JKDM PELABUHAN SEPANGAR	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BAHAGIAN IMPORT/EKSPORT PELABUHAN TELUK SEPANGAR 88450 KOTA KINABALU SABAH
	JKDM KUDAT	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA JALAN JABATAN KASTAM PETI SURAT NO. 23 89057 KUDAT SABAH
	JKDM MENUMBOK	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA MENUMBOK PETI SURAT 50 89760 MENUMBOK SABAH
	JKDM SANDAKAN	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA WISMA KASTAM DIRAJA JLN PERSEKUTUAN A, OFF JLN LABUK PETI SURAT 47 90700 SANDAKAN SABAH
	JKDM TAWAU	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA WISMA KASTAM JALAN DUNLOP PETI SURAT NO. 105 91007 TAWAU SABAH
	JKDM KENINGAU	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA JALAN TUARID-LIAWAN PETI SURAT 105 89000 KENINGAU SABAH
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	JKDM LABUAN	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA WISMA KASTAM JALAN MERDEKA PETI SURAT NO. 81003 87020 W.P LABUAN